

Sistem Latihan Kemahiran Dua Hala Di Malaysia : Satu Perbandingan Dengan Negara Jerman

Akmal Annas Hasmoni¹, Rohana Hamzah² & Amimudin Udin²

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia 81310 Johor, Malaysia

ABSTRAK : Sejarah pendidikan kemahiran di Negara ini telah bermula sejak zaman sebelum merdeka lagi dan ianya telah terus berkembang maju dari masa ke masa. Hal ini kerana, ianya sentiasa telah melalui pelbagai proses penyelidikan dan pembangunan bagi membaikpulih serta memantapkan lagi sistem yang sudah sedia ada. Penulisan ini menceritakan secara ringkas berkenaan dengan salah satu sistem latihan yang digunakan di Negara ini iaitu Sistem Latihan Dua Hala Nasional (NDTS) dan bagaimana ianya dapat membantu dalam memantapkan lagi sistem latihan sedia ada serta pada masa yang sama membantu dalam memacu perkembangan ekonomi Negara terutamanya dalam sektor perindustrian. Fokus utama sistem latihan ini ialah bagaimana kerjasama yang erat di antara pihak industri dengan pusat latihan dalam memastikan bahawa kurikulum yang digunakan di pusat latihan adalah sentiasa selari dengan apa yang diperlukan oleh pihak industri. Dengan berpandukan kepada matlamat utama pendidikan kemahiran di Negara ini, penulisan ini diharapkan dapat memberi satu perpektif dan persepsi baru terhadap sistem latihan dua hala ini serta seterusnya memantapkan lagi sistem pendidikan dan latihan teknik dan vokasional di Malaysia.

Katakunci : *Sistem Latihan Dua Hala Nasional (NDTS), Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK), Latihan Kemahiran, Pendidikan, Pendidikan Teknik Dan Vokasional (PTV)*

ABSTRACT : History of skills education in this Country has started before independence and it has continued to grow over time. This is because, it always has been through various research and development process to repair and strengthen the existing system. This writing will recounts briefly on the one of the training system used in this Country which is National Dual Training System (NDTS) and how it can help in strengthening the existing system, at the same time assist in driving economic growth especially in industrial sector. The main focus of this training system is how close cooperation between the industry and training centers is important in order to ensure that the curriculum used at the training center is always in line with what is required by the industry. With reference to the primary goal of skills education in this Country, this writing is expected to provide a new perspective and perception of the system of bilateral exercises and further strengthen the system of education and technical and vocational training in Malaysia.

Keywords : *National Dual Training System (NDTS), Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK), Skills Training, Technical And Vocational Education (TVE)*

1.0 PENDAHULUAN

Sejarah perkembangan pendidikan kemahiran di negara ini bermula pada tahun 1906 apabila sebuah sekolah teknik ditubuhkan untuk melatih pelatih menjadi pembantu teknikal kereta api. Selain itu, penubuhan sekolah ini juga adalah untuk melahirkan pembantu teknikal yang akan bekerja di Jabatan Kerja Raya (Maznah, 2001). Seterusnya pada tahun 1919, kerajaan telah membentuk sebuah jawatankuasa untuk meninjau dan mendapatkan maklumat berkenaan dengan keperluan untuk perlaksanaan sistem pendidikan teknik dan vokasional dan

seterusnya mengemukakan cadangan untuk menubuhkan sekolah pertanian dan menyediakan kemudahan latihan untuk Jabatan Perhutanan (Loh, 1975).

Seterusnya pada tahun 1926, Federal Trade School telah ditubuhkan di Kuala Lumpur untuk memberi latihan sepenuh masa selama tiga tahun dengan tujuan untuk melatih mekanik, tukang, pekerja mesin dan kakitangan lain (Ahmad, 2003). Pada tahun 1955 pula iaitu dua tahun sebelum Malaya pada masa itu mencapai kemerdekaan, kerajaan telah membentuk Jawatankuasa Pendidikan untuk meninjau dan menyemak semula sistem pendidikan yang sedia ada dan merancang untuk menyusun semula dan menghasilkan satu sistem baru untuk digunakapakai sebaik sahaja negara mencapai kemerdekaan nanti (Pang, 2005).

Jawatankuasa tersebut juga telah menerbitkan laporan Razak pada tahun 1956 yang mana kandungannya buat pertama kali telah mempromosikan dasar atau usul untuk membentuk aliran vokasional di samping mengekalkan sistem sekolah umum seperti sedia kala (Wong & Ee, 1975). Seterusnya pada tahun 1960, pembentangan Laporan Rahman Talib telah menyebabkan berlakunya penyatuan di mana aliran vokasional telah diserap masuk ke dalam sistem sekolah menengah akademik. Bermula pada masa inilah, pendidikan teknik dan vokasional telah mula diberi perhatian yang sewajarnya oleh golongan masyarakat di negara ini.

2.0 PERKEMBANGAN LATIHAN KEMAHIRAN DI MALAYSIA

Ahmad (2003) dalam penulisannya telah mendapati bahawa sistem pendidikan teknik dan vokasional di Malaysia dan sistem latihan (TEVT) telah semakin berkembang dari masa ke masa dan berkembang ke tiga arah yang berbeza iaitu pendidikan tinggi, pendidikan teknik dan vokasional, dan juga latihan kemahiran.

Penjelasan yang sama berkenaan dengan sistem pendidikan teknik dan vokasional di Malaysia serta sistem latihannya juga telah dibuat oleh Rashid & Nasir (2003) yang membahagikan sistem pendidikan teknik dan vokasional kepada berikut:

- a) Tertier atau pendidikan tinggi di universiti dan institusi-institusi pendidikan tinggi.
- b) Pendidikan teknik dan vokasional yang dilakukan terutamanya dalam sistem sekolah formal di bawah Kementerian Pendidikan.
- c) Pasca-sekunder TEVT, termasuk latihan kemahiran yang dijalankan menggunakan aliran sekolah menengah vokasional tetapi dipantau oleh orang awam dan lembaga latihan kemahiran dari pihak swasta.

Satu kajian yang bertajuk “*Basic Study on Designing a Dual Training Scheme in Malaysia*” telah dilakukan pada tahun 1997 hingga 1999 oleh pasukan perunding yang terkenal dari Jerman. Hasil daripada kajian tersebut, perunding tersebut telah menggambarkan sistem pendidikan teknik dan vokasional di Malaysia adalah seperti berikut:

- a) Subsistem 1: pendidikan teknikal dan latihan vokasional yang dilaksanakan di sekolah-sekolah menengah atas di bawah kawalan Kementerian Pendidikan. Ini benar-benar terintegrasi ke dalam sistem pendidikan umum yang mana pada akhir persekolahan nanti mereka perlu menduduki Sijil Pelajaran Malaysia.
- b) Subsistem 2: pendidikan teknikal dan latihan vokasional yang tidak berada di bawah Kementerian Pendidikan namun dikendalikan oleh Kementerian Persekutuan lain seperti Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Belia dan Sukan, dan lain-lain.
- c) Subsistem 3: penilaian dan pensijilan kemahiran kerja yang dilakukan berdasarkan kepada Standard Skill Pekerjaan Nasional dan Sistem Pensijilan. Sistem ini bermula

dengan memperkenalkan tiga tahap sistem pensijilan iaitu asas, pertengahan dan berkemahiran. Namun yang demikian, pada tahun 1992, sebuah sistem baru telah diperkenalkan iaitu sistem yang menggunakan 5 tahap kemahiran. Ini diikuti pula dengan pengenalan pendekatan akreditasi pada tahun 1993 dan dijalankan oleh Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan.

3.0 SISTEM LATIHAN DUAL HALA NASIONAL (NATIONAL DUAL TRAINING SYSTEM)

Sistem ini boleh dilihat dengan mengimbas kembali sejarah hubungan kerjasama di antara negara kita Malaysia dengan negara Jerman pada tahun 1996. Hasil daripada hubungan kerjasama ini, satu hasil penyelidikan telah ditemui dan seterusnya mengesyorkan bahawa hubungan kerjasama di antara Malaysia dan Jerman harus diperkukuhkan lagi pada masa hadapan. Satu keputusan lagi yang ditemui ialah Malaysia perlu mengambil langkah drastik dengan memperkukuhkan sistem latihan yang sedia ada dan menambah pusat-pusat latihan terutamanya di peringkat kebangsaan.

Pembentukan pasukan Projek Sistem Dua Hala (DSP) ini terdiri daripada pemimpin pasukan Jerman bersama-sama dengan empat ahli lain yang dilantik secara sepenuh masa. Jangka masa untuk projek ini ialah bermula pada tahun 2000 dan berakhir pada tahun 2005 (DSP, 2001). Projek usaha sama ini secara khususnya terdiri daripada lima komponen utama iaitu:

- a) Komponen 1: memperkasakan hubungan dua hala di antara pihak industri dengan program latihan. Hal ini merupakan aspek yang penting dalam memberikan arah dan dorongan utama kepada DSP. Komponen ini juga adalah titik tolak kepada bermulanya penglibatan langsung pihak industri dalam sistem pendidikan dan latihan teknik vokasional.
- b) Komponen 2: Meningkatkan kualiti dan kuantiti untuk proses pembangunan kurikulum dan alat bantu mengajar. Hal ini bertujuan untuk mengembang serta mempertingkatkan lagi standard latihan kemahiran, profil pekerjaan serta penghasilan bahan pembelajaran yang berkesan.
- c) Komponen 3: Mempertingkatkan program latihan untuk guru-guru dalam bidang vokasional bagi memenuhi permintaan yang diterima. Komponen ini juga terfokus untuk memberikan guru teknikal dan pengajar latihan vokasional latihan pra-perkhidmatan serta latihan dalam perkhidmatan.
- d) Komponen 4: Mengukuhkan rangkaian pendidikan teknik dan vokasional bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan latihan yang dirancang. Komponen ini bertujuan untuk menguatkan unsur-unsur penting yang terkandung dalam rangkaian pendidikan teknik dan vokasional.
- e) Komponen 5: Meningkatkan kepuasan diri untuk bekerja di kalangan pekerja, sistem latihan dan imej pendidikan teknik dan vokasional. Komponen ini bertujuan untuk mengatasi nilai-nilai sosial, stigma masyarakat, dan gambaran kerja secara keseluruhan.

Kabinet Malaysia telah meluluskan pelaksanaan Sistem Latihan Dua Hala Nasional (NDTS) pada tarikh 19 Mei 2004 dan mula diaplikasikan dari tahun 2005 dan seterusnya. Sasaran sistem ini secara amnya ialah untuk menghasilkan sejumlah 31,500 pekerja mahir menjelang tahun 2010 (MLVK, 2005).

4.0 PENGOPERASIAN NDTS

Berdasarkan Rancangan Malaysia Kelapan, terdapat beberapa inisiatif untuk melaksanakan Sistem Latihan Dua Hala Nasional (NDTS) ini. Antara inisiatif yang telah diberikan ialah sistem pendidikan dan latihan yang diberikan perlu mampu dan boleh menghasilkan tenaga kerja yang berketerampilan, mempunyai pengetahuan yang pelbagai, mempunyai minat untuk terus belajar, kemahiran keusahawanan serta dengan mempunyai kemampuan untuk mendapat dan menggunakan pengetahuan lain khususnya dalam teknologi maklumat (Malaysia, 2001b, p.111). Di samping itu, usaha yang bersepadu harus terus dilakukan untuk meningkatkan bekalan tenaga kerja mahir dan berpengetahuan melalui program pembangunan pendidikan dan latihan.

Di samping itu, pengoperasiannya juga menekankan bahawa perlu wujudnya kerjasama yang erat di antara institusi latihan dan industri. Ini adalah untuk memastikan bahawa kurikulum yang digunakan di sekolah adalah tetap relevan untuk digunakan dalam industri. Di samping itu, usaha juga boleh ditingkatkan dengan merancang satu perkongsian bijak di antara pihak kerajaan dengan sektor swasta.

Terdapat beberapa perancangan dalam memperkenalkan pendekatan latihan dua hala. Pendekatan ini telah diperkukuhkan melalui sistem *apprentice* yang telah dijalankan sejak beberapa tempoh yang lalu. Pendekatan sistem latihan ini juga boleh dilakukan melalui peranan institusi-institusi latihan dengan menggalakkan mereka untuk terus melakukan hubungan yang lebih lanjut dengan pihak industri.

Seterusnya, pengoperasian sistem ini juga memerlukan persekitaran tempat belajar serta kaedah penyampaian latihan yang menyentuh berpotensi dan menyeluruh dari kedua-dua pihak yang terlibat iaitu institut-institut latihan dan tempat kerja sebenar iaitu pihak industri (DSP, 2004a). Oleh sebab itu, sistem dua hala ini telah memberikan banyak perhatian terhadap proses peningkatan budaya dalam pendidikan teknik dan vokasional secara berganda (DSP, 2001). Selain itu juga, penyertaan pelbagai jenis syarikat dan institusi latihan yang bersesuaian telah dipertimbangkan dalam mengaplikasikan sistem ini di tempat-tempat mereka.

Untuk memastikan sistem ini dapat diaplikasikan dengan lancar di sesebuah syarikat, beberapa saranan telah dikeluarkan oleh pelopor sistem ini iaitu sesebuah syarikat yang ingin menggunakan sistem ini perlu mempunyai kemudahan lengkap yang diperlukan seperti mesin, peralatan dan alat-alat dalam kualiti dan kuantiti yang cukup sempurna. Ini adalah sebagai persediaan untuk menerima calon-calon pekerja yang akan mengikuti latihan kemahiran di tempat tersebut. Mereka juga perlu melakukan perkara-perkara yang seperti berikut:

- a) Melakukan 70 hingga 80 peratus daripada jumlah latihan yang diberikan di tempat dan persekitaran kerja yang sebenar.
- b) Melakukan program latihan kerjasama dengan institusi-institusi latihan selama dua tahun.
- c) Menyediakan buku log, rancangan latihan, bahan-bahan latihan serta peralatan dan kemudahan latihan yang diperlukan.
- d) Menyediakan pembimbing berpengalaman dan berkelayakan yang secukupnya dengan nisbah sekurang-kurangnya seorang pembimbing bagi setiap tiga orang pelatih.
- e) Menyediakan elaun bagi setiap pelatih yang mengikuti latihan (MLVK, 2005).

Pada peringkat awal pelaksanaan sistem ini yang bermula dari tahun 2005, institusi-institusi latihan yang bernaung di bawah Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pendidikan Tinggi telah diarahkan untuk mengaplikasikan sistem ini

dalam program latihan kemahiran yang dianjurkan oleh mereka. Di antara tanggung jawab utama mereka dalam merealisasikan keberkesanan sistem ini ialah dengan:

- a) Melakukan 20 hingga 30 peratus daripada jumlah latihan.
- b) Berkolaborasi dengan syarikat-syarikat yang menyertai sistem ini serta mempersiapkan dan melaksanakan program latihan.
- c) Menyediakan kemudahan latihan dan kemudahan-kemudahan lain yang diperlukan.
- d) Menyediakan tenaga pengajar yang secukupnya dengan kadar satu tenaga pengajar untuk sekitar dua puluh pelatih (MLVK, 2005).

Pelaksanaan sistem ini bermula pada tahun 2005 dengan pengambilan kumpulan pertama yang terdiri daripada 29 orang pelatih oleh syarikat Daimler Chrysler (Malaysia) dan 14 orang pelatih oleh syarikat Pengeluaran NAZA Automotif untuk melatih pelatih dalam bidang mekatronik automotif. Pada bulan Disember tahun 2009, terdapat sekitar 22,000 orang pekerja yang sedang menjalani atau telah menyelesaikan program latihan di bawah sistem dua hala ini yang mana ianya telah melibatkan sekitar 1000 syarikat perindustrian yang berbeza.

5.0 DAPATAN DAN PENGAJARAN

Persepsi atau dapatan pertama yang didapati daripada percubaan ini ialah didapati bahawa sistem dua hala yang dijalankan di Malaysia tidak berjaya mereplika secara sepenuhnya sistem dua hala yang dijalankan di Jerman walaupun pada dasarnya masih juga terdapat beberapa perkara yang mempunyai sedikit persamaan tetapi ianya tidak begitu ketara (Pang, CL, 2010). Antara perbezaan yang paling ketara di antara sistem dua hala yang dijalankan di Malaysia dan Jerman ialah:

- a) Polisi pendidikan teknik dan vokasional negara Jerman adalah lebih meluas dan bersifat lebih holistik. Ianya telah dianggap sebagai lebih penting daripada fungsi ekonomi serta dikatakan sebagai sebahagian daripada proses pendidikan. Kebanyakan daripada mereka juga telah melalui latihan vokasional secara berterusan di samping mempunyai akses untuk terus belajar iaitu pembelajaran sepanjang hayat.
- b) Fungsi dominan sistem dua hala yang diguna pakai di Malaysia adalah semata-mata untuk kepentingan ekonomi sahaja. Hal ini berlaku kerana kebanyakan syarikat menganggap sistem ini sebagai pelaburan dalam modal manusia yang seharusnya membawa manfaat dan peningkatan dari segi produktiviti syarikat itu sendiri berbanding dengan manfaat dan faedah yang akan diperoleh oleh seseorang individu dan masyarakat.

Terdapat pelbagai lagi perbezaan yang agak ketara di antara sistem yang digunakan di negara ini dengan negara Jerman. Setiap perbezaan yang wujud ini sedikit sebanyak telah menyebabkan gagalannya atau tidak sempurnanya pelaksanaan sistem ini negara ini. Di antara perbezaan yang wujud di antara sistem kedua-dua negara dapat dilihat dalam jadual 1.0 di bawah.

Kata Kunci	Sistem Latihan Dua Hala di Jerman	NDTS di Malaysia
Titik Permulaan	Sejarah yang panjang – sistem yang mempunyai ciri dua hala telah diterapkan seawal abad ke20 dan latihan apprentice telah bermula sejak abad ke 17	Sangat terkini – baru sahaja bermula apabila perjanjian usaha sama di antara negara Jerman dan Malaysia di lakukan pada pertengahan tahun 1990-an.
Matlamat Utama	Luas dan universal - Pendidikan dan latihan vokasional menyediakan semua kaum muda dengan kelayakan yang diperakui.	Tujuan khusus untuk pekerjaan - Keperluan tenaga kerja berkemahiran untuk kepentingan ekonomi sematamata.
Perangkaan Undang-Undang	Akta undang-undang yang mantap - <i>Vocational Training Act 1969</i> untuk latihan di tempat kerja dan <i>State (Lander) Education Acts</i> untuk latihan di sekolah-sekolah	Tiada perangkaan undang-undang yang spesifik.
Sumber Kewangan	Perkongsian Kos – Di antara pihak kerajaan dan industri. Namun, industri menyumbangkan bahagian yang lebih besar iaitu hingga dua pertiga dari jumlah keseluruhan.	Perkongsian kos – Kerajaan mengeluarkan modal yang lebih besar jika dibandingkan dengan pihak industri.
Koordinasi dan Kawalan Kualiti	Prinsip dan Peraturan – Dipantau oleh sesebuah syarikat itu sendiri.	Kawalan Pusat – Dikawal oleh pihak kerajaan iaitu sebahagian besarnya melalui <i>Economic Planning Unit</i> dan pihak majikan serta organisasi pekerja tidak mempunyai apa-apa peranan.
Sistem Penilaian dan Pensijilan	Pentadbiran Sendiri – Dilakukan oleh sesebuah syarikat yang terlibat.	Kawalan Pusat – Dikawal oleh pihak kerajaan terutamanya melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran yang akan membawa kepada penganugerahan Sijil Latihan Kemahiran tahap 3.
Kurikulum dan Rekabentuk Pengajaran	Dokumen yang tidak terperinci - Hanya rangka kurikulum yang singkat diberikan, satu konsep baru dalam pembelajaran sesuatu bidang dan setiap satunya adalah berbeza mengikut syarikat dan sekolah vokasional.	Dokumen yang terlalu mendalam dan terperinci - Kurikulum yang sangat terperinci serta standard untuk semua syarikat dan pusat latihan.
Jangka Masa Pengajian Pendekatan	Panjang – 3 tahun hingga tiga tahun setengah. Pendekatan pembelajaran	Pendek – 2 tahun. Pendekatan berorientasikan

berasaskan aktiviti.

proses kerja.

Jadual 1

4.0 PENUTUP

Jika dilihat dengan teliti, perbezaan utama di antara sistem dua hala yang dijalankan di Malaysia dengan negara Jerman adalah peranan utama telah digerakkan oleh kerajaan pusat manakala pihak industri menjadi penyokong kepada pelaksanaan sistem ini sahaja. Berbanding dengan negara Jerman, pihak swasta yang sebenarnya memainkan peranan utama dan dominan dalam sistem latihan dua hala ini. Kebanyakan syarikat-syarikat perindustrian di Malaysia adalah sama sekali tidak bersedia dari pelbagai aspek untuk mengambil alih tugas dan tanggungjawab yang dijalankan oleh kementerian pusat dalam melaksanakan sistem dua hala ini.

Dengan pelaksanaan Sistem Latihan Dua Hala Nasional ini, maka akan wujud dua sistem yang digunapakai di negara ini iaitu yang pertama latihan kemahiran yang sudah sedia ada yang mana ianya berasaskan sistem institusi yang tertumpu kepada Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dan yang kedua ialah sistem yang baru diperkenalkan ini. Persoalannya di sini, apakah yang akan terjadi kepada sistem sedia ada apabila NDTs telah dilaksanakan secara sepenuhnya? Kaedah atau sistem yang manakah akan lebih menarik minat majikan terutamanya pihak industri? Apakah benar bahawa sistem yang sedia ada ini berjaya menghasilkan tenaga kerja terlatih tetapi tidak dapat memenuhi keperluan industri secara keseluruhannya? Kesemua ini adalah beberapa persoalan yang perlu difikirkan sebelum, semasa, dan selepas pelaksanaan sesuatu sistem itu dijalankan.

Terdapat pelbagai perkara yang boleh dipelajari dari *National Apprenticeship Scheme* (NAS) serta keengganan kebanyakan syarikat-syarikat di Malaysia untuk melabur dalam sistem pendidikan dan latihan kemahiran. Di antara beberapa perkara yang perlu diamati dengan mendalam untuk memastikan kejayaan NDTs adalah seperti yang berikut:

- a) Memanfaatkan sepenuhnya sumber kewangan daripada Tabung Pembangunan Sumber Manusia (HRDF) dan proses tuntutan penggantian kos latihan harus dibuat dengan lebih adil dan saksama.
- b) Mengenalpasti bidang-bidang kemahiran yang khusus di dalam industri serta ilmu pengetahuan yang tidak terikat kepada sesuatu peralatan atau mesin sahaja.
- c) Menguatkuasakan undang-undang yang khusus untuk pentadbiran NDTs daripada menggunakan undang-undang yang sedia ada yang mungkin kurang bersesuaian seperti dan Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001 dan sebagainya.
- d) Pembangunan sistem kelayakan yang betul-betul mampu memberikan persepsi yang tinggi dalam sistem ekonomi Malaysia daripada terus memikirkan sistem pensijilan sedia ada yang begitu rumit.
- e) Menguatkan hubungan kerjasama yang berterusan dengan badan-badan korporat.
- f) Menyediakan peluang untuk pendidikan lanjutan sama ada di dalam mahupun di luar sistem ini.
- g) Memanfaatkan sepenuhnya kajian dan maklumat yang terdapat di institusi-institusi pengajian tinggi untuk mencari penyelesaian jangka masa panjang bagi sistem ini.

Sebagai kesimpulan, kejayaan sistem ini adalah bergantung kepada hubungan kerjasama yang kuat dan berkesan di antara pihak kerajaan dan sektor swasta terutamanya dalam misi untuk mencipta tenaga kerja yang berketerampilan, berdaya saing, dan versatil.

Pihak kerajaan Malaysia juga perlu satu persekitaran yang lebih kondusif dalam bidang pekerjaan supaya perlaksanaan sistem ini dapat benar-benar dijayakan secara universal.

RUJUKAN

- Ahmad, O. (2003). *The role of the National Vocational Training Council in the management of vocational training in Malaysia: A critical evaluation*. Batu Pahat: KUiTTTHO
- DSP. (2001). *The Dual System Project: Think dual – go dual in training. Getting Malaysia ready for the K-economy*. Kuala Lumpur: DSP, Malaysia / GTZ, Germany.
- DSP. (2004a). *Outline of the Dual System Project for the reform of TEVT in Malaysia, reference copy*. Kuala Lumpur: DSP. (Unpublished).
- DSP. (2004b). *Development work needed for implementing dual training, presented to the 5th Steering Committee meeting, 17 June*. (Unpublished).
- Loh F.S. (1975). *Seeds of separatism: educational policy in Malaysia, 1874-1940*. Singapore: Oxford University Press.
- Mahathir M. (1991). *Malaysia: The Way Forward*. Speech delivered at the Inaugural.
- Malaysia, Government of. (2001). *The Third Outline Perspective Plan, 2001-2010*. Kuala Lumpur: Economic Planning Unit, Prime Minister's Department.
- Malaysia, G. o. (2006b). *National Skills Development Act 2006 (Act 652)*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Maznah M. (2001). *Adult and continuing education in Malaysia*. Hamburg: NESCO Institute for Education / Kuala Lumpur: Universiti Putra Malaysia Press.
- MLVK. (2005). *Implementation of the National Dual Training System – guides and rules*. (2nd ed.). Putrajaya: MLVK.
- Pang, C.L. (2008). A historical account of skills training in Malaysia. In G. Loose, G. Spottl, & Y. M. Sahir (eds). *Re-engineering dual training – the Malaysian experience*, 165-176. Frankfurt am Main: Peter Lang.
- Pang, V. (2005). Curriculum evaluation: An application in a smart school curriculum implementation. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Pillay, G. F. (2005). *Technical & vocational education (TVET) systems of selected East Asian countries: Malaysia*. Washington, D.C.: The World Bank.
- Rashid & Nasir (2003). *Lifelong learning in Malaysia*. Paper presented at the International Policy Seminar, 24-26 June, Seoul, Korea.

